

Bentuk jaringan angkat martabat sukan negara - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Semua pihak dalam industri sukan negara disaran membentuk jaringan kukuh agar kegiatan sukan disegarkan sekali gus mengangkat martabatnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerjasama tersebut perlu melibatkan semua persatuan sukan di negara ini, sekolah, universiti, malah gabungan anak muda dalam usaha mewujudkan rangkaian yang lebih erat.

Justeru, beliau meminta Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) membina jaringan tersebut supaya semua kegiatan sekolah, institut pengajian tinggi (IPT) termasuk dalam kalangan masyarakat dan komuniti itu disegarkan.

“Negara Madani ini hanya berkembang kalau rakyat diperkasakan, (bukannya kerajaan) dalam pelbagai bidang, pekerjaan dan paling utama ialah kesihatan.

“Saya mahu tekankan, negara kita ini aman tapi memperkasakan rakyat dalam negara ini kita mahu anak-anak cergas, sihat. Wahana sukan, olahraga dan semua aspek kesukanan dianggap penting dalam memberikan kesedaran, kecegasan dan sihat,” katanya ketika merasmikan Hari Sukan Negara 2023 di Dataran Putra-



ANWAR Ibrahim melepaskan acara larian dan berbasikal Fit Malaysia sempena sambutan Hari Sukan Negara 2023 di Dataran Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/FAIZ ALIF ZUBIR

jaya, semalam.

Anwar pada masa sama berkata, beliau memperkenalkan idea Malaysia Madani kerana mahu mengutamakan soal nilai dan yakin Malaysia akan selamat, bahagia dan cemerlang sekiranya anak-anak muda bangkit sebagai satu kesatuan, semangat, perpaduan tulen tanpa mengira kaum dan budaya masing-masing.

Dalam pada itu, beliau kagum dengan semangat rakyat berhimpun pada sambutan Hari Sukan Negara 2023 di sini membuktikan masyarakat pelbagai kaum tidak ada masalah perpaduan seperti mana di-

gambarkan melalui percaturan dan pergaduhan di Parlimen.

“Ia beda sekali rakyat di bawah yang mahu keamanan, mereka menerima kenyataan kepelbagaian di negara kita.

“Di antara kegiatan utama yang kita galakkan ialah sukan. Kita mahu kita menang tidak kira nama dia apa, tetapi dia anak muda Malaysia mencatat kemenangan hebat, itu cita-cita kita.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, menerusi pembentangan Belanjawan 2024 kelmarin, beliau memberikan tumpuan dan menambah peruntukan kepada

beberapa hal yang dituntut puluhan tahun sama ada kegiatan sukan secara umum, pelepasan cukai, sukan orang kurang upaya (OKU), malah rakan muda supaya anak muda bersifat cergas dalam semua bidang sukan.

“Saya lantik dua tokoh muda Hannah Yeoh (Menteri) dan Adam Adli Abdul Halim (timbalan menteri). Saya kata ini peruntukan tambahan (Belanjawan 2024) untuk kegiatan (sukan) tambahan, kerjalah, carilah jalan sebaik mungkin supaya kita dapat angkat martabat sukan negara ini,” katanya.